

# Indeks Bursa Malaysia mampu cecah 1,800 mata

**Prospek pendapatan semakin baik, faktor domestik dijangka terus sokong pasaran**

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**Bursa Malaysia** dijangka kekal berdaya tahan pada suku kedua 2026 meskipun terdapat ketidakpastian global yang berterusan, termasuk ketegangan di Asia Barat dan kenaikan harga minyak, demikian menurut Rakuten Trade Research.

Ia menjangkakan indeks penanda aras Bursa Malaysia, FBM KLCI akan mencapai 1,800 mata, berdasarkan nisbah harga kepada pendapatan tahun 2026 sebanyak 17 kali.

Menurutnya, pendapatan korporat di Malaysia diunjurkan

meningkat 7.9 peratus pada 2026, pulih berbanding keputusan 2025 yang lebih lemah, manakala pendapatan 2027 diunjurkan pada 6.5 peratus.

Katanya, penyertaan asing menunjukkan momentum positif, dengan aliran masuk bersih RM1.28 bilion setakat tahun ini dan pegangan saham asing stabil pada kira-kira 19 peratus, sementara penyertaan runcit kekal perlahan pada 14.9 peratus, tertumpu pada saham berwajaran tinggi.

"Ringgit pula dijangka dinagakan dalam julat antara RM3.80 hingga RM3.90 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS)," katanya.

Ketua Penyelidik Rakuten Trade, Kenny Yee, berkata pasaran mungkin kekal tidak menentu disebabkan oleh perubahan geopolitik dan harga komoditi, tetapi prospek pendapatan Malaysia yang semakin baik dan faktor domestik yang menyokong dijangka terus menyokong pasaran.

"Di samping itu, tema struktur seperti pembangunan infrastruktur dan peningkatan permintaan elektrik yang

didorong pelaburan pusat data dijangka akan memberikan sokongan selanjutnya untuk sektor terpilih dalam pasaran Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Rakuten Trade Research mengekalkan pendirian 'wajaran tinggi' terhadap sektor perbankan, pembinaan, pengguna, minyak dan gas, perladangan, utiliti dan teknologi, disokong oleh pendapatan yang berdaya tahan, projek infrastruktur utama, trend komoditi serta peningkatan permintaan elektrik daripada ekosistem pusat data Malaysia yang berkembang.

Sektor yang dinilai 'neutral' termasuk automotif, sarung tangan, penjagaan kesihatan, hartanah, amanah pelaburan hartanah (REIT) dan telekomunikasi dengan peluang terpilih di seluruh pasaran.

Antara pilihan saham berwajaran tinggi ialah AMMB Holdings Bhd, CIMB Group Holdings Bhd, Gamuda Bhd, Kuala Lumpur Kepong Bhd dan Tenaga Nasional Bhd.

Syarikat kecil terpilih termasuk Kerjaya Prospek Bhd, Inta Bina Group Bhd dan Powerwell Holdings Bhd.

## Pelabur kekal selektif

Pada peringkat global, Rakuten Trade Research berkata, turun naik berterusan di AS di tengah-tengah hutang negara dan isi rumah yang tinggi, tekanan inflasi dan pasaran kerja yang semakin lemah.

Ia berkata, kadar faedah yang tinggi mungkin mengekang pertumbuhan pendapatan korporat.

Sementara itu, menurutnya, pasaran Hong Kong dan China kekal agak menarik.

Menuju ke hadapan, Rakuten Trade Research berkata, walaupun turun naik jangka pendek berkemungkinan berlaku, pendapatan Malaysia yang semakin baik, asas sektor kukuh dan penyertaan asing berterusan dijangka akan menyokong pasaran.

Justeru, katanya, pelabur dinasihatkan untuk kekal selektif, memberi tumpuan kepada syarikat yang mempunyai keterlihatan pendapatan yang kukuh dan pendedahan kepada tema pertumbuhan struktur, sambil mengimbangi peluang dengan risiko global di tengah-tengah perkembangan geopolitik dan makroekonomi yang berterusan.

“Tema struktur seperti pembangunan infrastruktur dan peningkatan permintaan elektrik yang didorong pelaburan pusat data dijangka akan memberikan sokongan selanjutnya untuk sektor terpilih dalam pasaran Malaysia”



**Kenny Yee,**  
Ketua Penyelidik Rakuten Trade